



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyop Diosis: The Rt. Rev. Datuk Meller Jiki Tais

Suffragan Bisyop: The Rt. Rev. Kenneth Thien Su Yin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Trinit 7 - 19 Julai 2026

Doa Hari Ini

Allah Mahakuasa, Engkau mengutus Roh Kudus-Mu menjadi kehidupan dan terang Gereja-Mu; bukalah hati kami terhadap kekayaan kasih karunia-Mu, agar kami menghasilkan buah Roh dalam kasih dan sukacita dan damai sejahtera, melalui Yesus Kristus Tuhan kami. Amin.

Injil - Lukas 22:14-20

Bacaan Responsif - Kisah Para Rasul 20:7-12

"Yesus, tolonglah saya berkongsi hidup dengan-Mu dan dengan umat-Mu. ."

BERTEKUN UNTUK MEMECAHKAN ROTI

KISAH PARA RASUL 2:42

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.:**

- YouTube: <https://www.youtube.com/>

[@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke pertemuan jemaat Tuhan. Marilah kita bersama-sama menghadap Tuhan Yesus yang telah bangkit, dan saling menguatkan untuk hidup setia dan mentaati-Nya.

1. **PERJALANAN PEMURIDAN**

Kita teruskan siri khutbah yang mengajak kita merenungkan kehidupan kita bersama di Gereja Kristus Likas, berdasarkan kehidupan Gereja Mula-mula dalam Kitab Kisah Para Rasul:

- Ciri-ciri Gereja , Kisah Para Rasul 2
 - 19 Julai - 'Merayakan Bersama '
 - 26 Julai - 'Berdoa Bersama'
- Cabaran-cabaran Gereja
 - 2 Ogos - 'Penyalahgunaan', Kisah Para Rasul 3 & 4
 - 9 Ogos - 'Ketidakpercayaan', Kisah Para Rasul 5
 - 16 Ogos - 'Salah faham', Kisah Para Rasul 6

23 Ogos ialah Minggu Penetapan.



2. **MALAM DOA PUJI & SEMBAH**

Malam ini, jam 7:30 malam – nikmati nyanyian himne dan lagu pujian kontemporari; dipimpin oleh seorang pastor pujian dari Korea, Prof. Myounghshik Kim. Beliau akan berkongsi dan menyanyi dalam Bahasa Inggeris. Terbuka untuk semua. Bawa rakan-rakan anda bersama.

3. **KEBAKTIAN PENETAPAN - 23 OGOS**

- 8:30 pagi – Ibadah Penetapan gabungan (Cina & Inggeris)
- 11:30 pagi – Ibadah Penetapan BM

Penetapan ialah saat di mana calon menyatakan komitmen untuk mengikut Yesus secara terbuka. Bisyop akan berdoa agar Roh Kudus meneguhkan iman mereka. Dalam keadaan tertentu, Bishop juga menerima mereka yang datang dari latar denominasi lain ke dalam keluarga Gereja Anglikan.

Sementara itu, Kelas Penetapan masih berjalan:

- CHI: Sabtu & Ahd, 10:00 pg @ ARK; Rab, 7:30 mlm
- ENG, Pejabat gereja: Sel, 7:30 mlm; Jum, 7:30 mlm; Sab, 9:30 pg
- BM, Pejabat gereja: Ahd, 9:30 pg; Sab, 3:30 ptg; Sab, 7:00 mlm

4. **SINOD DIOSIS KE-34 - 24-27 OGOS**

Kita akan diwakili oleh semua paderi kita serta tiga orang wakil awam. Berdoalah untuk Bishop Melter agar beliau terus dipimpin oleh Tuhan dalam memimpin seluruh Diosis, melaksanakan misi Tuhan di Sabah dan juga di luar Sabah.

5. KONFERENSI ALKITAB

- Tema: 'Di bumi seperti di syurga': Memahami kehidupan di bumi dari perspektif syurga.
- Penceramah utama: Dr. Jason Garwood dari Amerika Syarikat. Seorang pastor dan ahli teologi.
- 14 Ogos, Jum, 7:30 pm - Sesi 1: 'Penciptaan & Pandangan Dunia'
- 15 Ogos, Sab:
 - 9:30 pg - Sesi 2 & 3: 'Penebusan dan Pandangan Dunia'
 - 11:30 am - Bengkel 1: 'Pemberian Kristian' – Menggunakan Harta untuk Kerajaan Allah.
- 16 Ogos, 1:30 ptg - Bengkel 2: 'Panggilan Kristian' – Menggunakan hidup saya untuk Kerajaan Allah
- Pembicara bengkel: Ps. Matthew Belleville (USA) dan En. Marco Sandhiputra (Jakarta).
- Semua sesi dalam Bahasa Inggeris; kecuali Bengkel 2 yang akan dijalankan dalam Bahasa Melayu.
- Pendaftaran bermula hari ini bagi tujuan penyediaan makanan. Bayaran nominal sebanyak RM10 dikenakan; untuk kopi!!

Berdoa agar sesi ini membawa semangat baru untuk belajar.

6. VAN GEREJA BAHARU

Dana yang diperlukan: RM180,000. Terkumpul setakat ini: RM15,860
Marilah memberi menurut kemampuan yang Tuhan anugerahkan kepada kita. Nyatakan "van gereja" sebagai butiran.

7. PELAYANAN LAINNYA

- 30 Jul, Kha - **Perjamuan Kudus Rumah**, 8:00 pg.
- 1 Ogos - Pertemuan **Evergreens**, Dewan Omega, 9:30 pg.
- 20-23 Ogos - **Konferensi Empower 2026**, *Glory Christian Centre*. Perlu mendaftar. Bishop Melter Tais hadir sebagai penceramah.
- 15-16 Sep - **Konvensyen Pelayanan di Tempat Kerja Borneo**, SICC. Dianjurkan oleh Alpha Malaysia. Pendaftaran diperlukan.
- Setiap Ahad petang, **sukan & permainan** tersedia: pickleball, bola keranjang, bola sepak dan bola tampar. Bawa rakan-rakan anda.
- **Bunga** hari ini disumbangkan oleh Ann Wu & keluarga.

UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN

RHB Bank | 2-10103-0001913-1

Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



‘YANG KUKEHENDAKI IALAH MENGENAL KRISTUS’

- Filipi 3:10

Bacaan Alkitab minggu ini	Is, Jul 20	Mat 5-6	Mz 37	Fri, Jul 24	Mat 11-12	Mz 41
	Sel, Jul 21	Mat 7	Mz 38	Sat, Jul 25	Mat 13	Mz 42
	Rab, Jul 22	Mat 8-9	Mz 39	Sun, Jul 26	Mat 14-15	Mz 43
	Kha, Jul 23	Mat 10	Mz 40			

Kisah Para Rasul 2:46 – “Memecahkan Roti” - Renungan & Perbincangan:

- a. Anda lebih suka nasi atau roti? Kenapa?
- b. ‘Memecahkan roti’ dalam PB merujuk kepada dua aktiviti yang berbeza tetapi berkaitan. Yang pertama ialah berkongsi makanan sebagai tanda persekutuan dan kebersamaan. Baca Kis 2:46; 20:7; 27:35. Bagaimana kita boleh berkongsi makanan dengan orang lain? Dalam budaya kita, apakah kepentingan berkongsi makanan atau makan bersama?
- c. Aktiviti kedua merujuk kepada Perjamuan Kudus. Baca Lukas 22:15-20. Perjamuan Kudus ialah waktu kita bersekutu dengan Yesus dan sesama kita. Menurut 1 Korintus 10:16-17, apakah maksud “satu roti”? Bagaimana kita boleh menunjukkan bahawa kita adalah satu tubuh di CCL?
- d. Dalam 1 Korintus 11:27-28, kita diberi peringatan tentang cara menerima Perjamuan Kudus. Bagaimanakah kita boleh memeriksa diri kita sebelum mengambil bahagian dalam Perjamuan Kudus? Bagaimanakah kita boleh membantu orang lain melakukan perkara yang sama?
- e. Bagaimanakah kita boleh menggalakkan satu sama lain untuk datang ke gereja dan bersama-sama mengambil bahagian dalam Perjamuan Kudus? Mengapa sesetengah orang tidak datang ke gereja untuk Perjamuan Kudus?

UNTUK DIDOAKAN

Diosis yang Kita Kasih

- Berdoa untuk ketiga-tiga bisyop kita yang sedang melaksanakan Penetapan di gereja-gereja yang berbeza. kiranya pelayanan mereka dalam mengajar Firman Tuhan dan mendoakan umat, sentiasa dipenuhi oleh kuasa Roh Kudus. Doakan juga agar mereka dikurniakan kesihatan yang baik, kekuatan yang berterusan, serta perjalanan yang aman dan selamat.

Kanak-kanak yang Kita Kasih

- Berdoa untuk pelayanan kanak-kanak kita: Sel Kanak-kanak Cina, BLAST Inggeris dan Pelita Kecil BM — serta anak-anak, ibu bapa dan para guru. Berdoa agar generasi baharu dibangkitkan untuk mengasihi Tuhan dan menghormati sesama.

Diri sendiri

- Berdoalah agar setiap kali kita menerima Perjamuan Kudus, hati kita semakin dekat kepada Yesus.
 - Doakan untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.